



**KESAN EKONOMI PELANCONGAN TERHADAP KOMUNITI BATEK  
DI KUALA TAHAN, PAHANG**  
(THE IMPACT OF TOURISM ECONOMY ON THE BATEK COMMUNITY  
OF KUALA TAHAN, PAHANG)

Zanisah Man, Nurul Fatanah Zahari & Mustaffa Omar

**ABSTRAK**

Pelancongan dilihat memainkan peranan penting dalam penjanaan peluang pekerjaan dan pendapatan bagi komuniti Batek yang menetap di sekitar Taman Negara, Pahang. Tulisan ini bertujuan untuk mengupas isu dan cabaran yang dihadapi komuniti Batek kesan daripada perkembangan industri pelancongan di Kuala Tahan, Pahang. Dalam konteks ini, komuniti Batek tidak terkecuali turut menerima limpahan daripada perkembangan industri ini. Penglibatan komuniti Batek dalam ekonomi pelancongan di Taman Negara, Pahang boleh dibahagi kepada dua kategori iaitu sebagai pekerja (pemandu pelancong dan pemandu bot) dan juga sebagai subjek tarikan pelancong itu sendiri (ikon budaya). Golongan wanita terutamanya di Kg. Gua Telinga dan Kg. Dedari juga turut melibatkan diri dalam ekonomi ini sebagai penghasil kraftangan dengan kaum lelaki membantu memasarkan hasil produk tersebut. Walaupun begitu, penglibatan komuniti Batek dalam industri pelancongan ini sama ada sebagai pemandu pelancong dan/atau pemandu bot amat bergantung kepada hubungan baik mereka dengan masyarakat luar, selain mempunyai kemahiran berkomunikasi ketika berhadapan dengan pelancong asing. Pelancongan juga telah meninggalkan beberapa impak tertentu ke atas komuniti Batek. Antaranya termasuklah mengganggu hak *privacy* individu dan komuniti Batek, hak komuniti dalam mempertahankan keaslian budaya, membataskan kebebasan bergerak mencari sumber kehidupan daripada situasi sebelumnya, meningkatnya ancaman kesihatan dan jangkitan penyakit dari luar, bertambahnya tuntutan kepada penghasilan produk lebih berkualiti untuk tujuan pasaran, dan akhir sekali meningkatnya persaingan dan eksploitasi punca pencarian dengan pihak luar.

**Katakunci:** *Komuniti Batek, Ekonomi Pelancongan, Taman Negara Kuala Tahan, Penyertaan dan Keterlibatan Komuniti, Isu dan Cabaran.*

**ABSTRACT**

Tourism plays an important role in generating employment and income opportunities for the Batek community living near the National Park, Pahang. This article seeks to explore into the issues and challenges faced by Batek community as a result of tourism industry development in Kuala Tahan, Pahang. In this context, the Batek community is no exception to receive spill over effects from the development of this industry. Their involvement in the tourism economy in Taman Negara, Pahang can be divided into two categories: as an employee (tour guide and boat driver) as well as subject to tourist attractions in its own (cultural icons). Batek women, especially in Kg. Gua Telinga and Kg. Dedari also participate in the economy as producers of handicrafts with men to help market the product. However, Batek community involvement in the tourism industry, either as tour guide and/or boat driver depends by and large on good relations with the outside community, as well as their ability to communicate well when dealing with foreign tourists. Tourism also has some impact on the Batek community. It does interfere with the individuals and communities privacy rights, the rights of the community in maintaining cultural authenticity, limiting the freedom of movement in finding their source of livelihood, increase potential threats in health and disease from outside, increasing demand for better quality products for the market, and finally increased competition and exploitation of resources from external forces.

**Keywords:** *Batek Community, Tourism Economy, Kuala Tahan National Parks, Community Involvement and Participation, Issues and Challenges.*

## **PENGENALAN**

Pelancongan adalah suatu industri yang semakin berkembang di Malaysia. Dalam laporan Rancangan Malaysia Kesembilan (Malaysia 2006), pelancongan merupakan sumber pendapatan ke-2 terbesar di Malaysia selepas pembuatan melalui pertukaran matawang asing. Misalnya, pelancongan telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor penyumbang utama dalam pertumbuhan ekonomi negara iaitu sebanyak 5.5% kepada KDNK pada tahun 2005. Selain memberi pulangan besar kepada KDNK negara secara purata, industri ini juga telah mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dan pendapatan tambahan kepada komuniti setempat.

Taman Negara adalah sebuah destinasi pelancongan yang terkenal di Semenanjung Malaysia yang menawarkan keindahan alam semulajadi dari hutan hujan tropika yang berusia ratusan tahun. Taman Negara mempunyai keluasan kawasan sekitar 343,350 hektar merentasi Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Gunung Tahan yang mempunyai ketinggian 2,187m di bawah paras laut juga terletak di dalam kawasan Taman Negara, Pahang. Menurut Carey (1976), selain kaya dengan keindahan flora dan fauna, Taman Negara Pahang juga merupakan petempatan asal masyarakat Orang Asli berketurunan Batek daripada kumpulan Negrito. Pada masa kini, komuniti Batek merangkumi jumlah sekitar 1,225 orang penduduk di Malaysia (JHEOA 2003).

Artikel ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama, memerihalkan sejarah dan bentuk penglibatan komuniti Batek dalam ekonomi pelancongan yang pesat berkembang di sekitar Kuala Tahan, Pahang. Penglibatan mereka dalam ekonomi pelancongan di Taman Negara, Pahang boleh dibahagi kepada dua kategori iaitu sebagai pekerja (pemandu pelancong dan pemandu bot) dan juga sebagai subjek tarikan pelancong itu sendiri (ikon budaya). Golongan wanita terutamanya di Kg. Gua Telinga dan Kg. Dedari juga turut melibatkan diri dalam ekonomi ini sebagai penghasil kraftangan dengan kaum lelaki membantu memasarkan hasil produk tersebut. Walaupun begitu, penglibatan komuniti Batek dalam industri pelancongan ini sama ada sebagai pemandu pelancong dan/atau pemandu bot amat bergantung kepada hubungan baik mereka dengan masyarakat luar, selain mempunyai kemahiran berkomunikasi ketika berhadapan dengan pelancong asing. Tujuan kedua penulisan ini pula ialah membicarakan tentang kesan daripada perkembangan industri pelancongan terhadap komuniti Batek di Kuala Tahan, Pahang. Dalam konteks ini, komuniti Batek tidak terkecuali turut menerima limpahan daripada perkembangan industri ini. Bagaimanapun, pelancongan juga telah meninggalkan beberapa impak negatif tertentu ke atas komuniti Batek. Antaranya termasuklah mengganggu hak *privacy* individu dan komuniti Batek, hak komuniti dalam mempertahankan keaslian budaya, membataskan kebebasan bergerak mencari sumber kehidupan daripada situasi sebelumnya, meningkatnya ancaman kesihatan dan jangkitan penyakit dari luar, bertambahnya tuntutan kepada penghasilan produk lebih berkualiti untuk tujuan pasaran, dan akhir sekali meningkatnya persaingan dan eksploitasi pekerjaan dengan pihak luar.

## **METOD DAN KAWASAN KAJIAN**

Dalam memerihalkan penglibatan komuniti Batek dalam sektor pelancongan dan kesan perkembangan sektor ini terhadap komuniti tersebut, suatu siri kajian telah dijalankan ke atas komuniti ini selama hampir setahun bermula dari Julai 2007 hingga Mei 2008. Kajian dijalankan di tiga kawasan petempatan suku Batek iaitu Kg. Gua Telinga, Kg. Dedari, dan Kg. Trenggan dalam Daerah Jerantut, Pahang. Proses pengumpulan data bersifat kualitatif telah dijalankan dan ini melibatkan bukan sahaja teknik pemerhatian tetapi juga temubual tak formal dengan beberapa anggota komuniti yang berwibawa termasuk ketua keluarga, orang tua-tua serta mereka yang berpengalaman dan berpengalaman luas tentang komuniti tersebut

serta terlibat aktif dalam sektor pelancongan di kawasan ini. Kesahihan maklumat yang dikumpul daripada seseorang individu Batek akan disemak semula dengan beberapa individu berwibawa lain bagi tujuan pengesahan maklumat tersebut. Setelah semua ini dilakukan, maklumat ini kemudian akan diberi pentafsiran melalui kaedah analisis kandungan selanjutnya.

Tiga buah petempatan komuniti Batek yang berhampiran dengan Kuala Tahan telah diambil sebagai kawasan kajian iaitu Kg. Gua Telinga (10 minit dengan menaiki bot dari jeti Kuala Tahan), Kg. Dedari (30 minit dengan menaiki bot dari jeti Kuala Tahan) dan Kg. Trenggan (45-50 minit dengan menaiki bot dari jeti Kuala Tahan). Kg. Gua Telinga dihuni oleh 13 keluarga dengan jumlah penduduk sekitar 113 orang. Majoriti penduduk yang tinggal di sini adalah daripada sukukaum Batek dengan sebilangan kecil berketurunan Semaq Beri kerana berkahwin dengan orang Batek. Penduduk di Kg. Gua Telinga ini dilaporkan berasal dari Lubuk Simpon tetapi berpindah ke sini sekitar 7 tahun yang lepas atas arahan Jabatan Perhilitan (Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara). Lokasi petempatan ini adalah berhampiran jeti Gua Telinga yang merupakan laluan utama pelancong untuk ke Gua Telinga. Pekerjaan utama penduduk adalah mencari hasil hutan seperti gaharu dan rotan serta membuat kraftangan untuk dijual kepada pelancong. Kawasan kajian kedua ialah Kg. Dedari. Ia terletak berdekatan Jeti *Canopy Walk*, Taman Negara dan merupakan satu-satunya petempatan komuniti Batek yang terdapat di luar kawasan perlindungan Taman Negara. Jumlah penduduk kampung ini adalah seramai 36 orang daripada 7 keluarga. Seperti mana komuniti Batek di Kg. Gua Telinga, komuniti Batek Kg. Dedari juga terlibat dalam pekerjaan mencari hasil hutan seperti gaharu dan rotan, selain menghasilkan kraftangan untuk dijual kepada pelancong. Kampung ketiga yang terlibat dalam kajian ini ialah Kg. Trenggan. Terdapat seramai 68 orang daripada 10 keluarga yang menghuni kampung ini. Petempatan ini terletak berhampiran dengan pusat pentadbiran Jabatan Perhilitan dikenali sebagai Pos Trenggan. Pekerjaan utama penduduk di sini adalah mencari hasil hutan, namun sebilangan kecil anak muda telah bekerja sebagai pemandu bot pelancong secara berkala. Lapan siri lawatan (dengan setiap satu lawatan mengambil masa seminggu ke dua minggu) telah dilakukan ke kawasan kajian bagi tujuan mengumpul maklumat kualitatif. Temubual tidak berstruktur dan secara informal telah dijalankan dengan beberapa informan utama seperti ketua keluarga dan pemimpin setempat daripada suku Batek. Selain itu, teknik pemerhatian juga telah dilaksanakan sewaktu di lapangan bagi tujuan mengumpul maklumat yang diperlukan.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Penglibatan komuniti Batek dalam sektor pelancongan di Taman Negara khususnya sekitar mukim Kuala Tahan telah bermula sejak tahun 1960an lagi. Berasaskan maklumat sejarah yang diperolehi melalui perbincangan dengan beberapa informan utama yang arif tentang ekonomi pelancongan di Taman Negara mendapati pada sekitar tahun 1960an, hanya sebilangan kecil sahaja daripada komuniti Batek yang terlibat sebagai pengangkut barang (*porter*). Pada waktu itu, mereka hanya akan dipanggil bekerja jika pemandu arah gunung daripada penduduk Melayu di kawasan Kuala Tahan memerlukan *porter* yang diminta khas oleh pelancong yang ingin mendaki Gunung Tahan. Belum ada lagi orang Batek yang menjadi pemandu arah gunung pada ketika itu dan ini disebabkan oleh halangan-halangan komunikasi iaitu tiada kemahiran berbahasa Inggeris dan keyakinan diri rendah sewaktu berhadapan dengan orang asing. Kebanyakan pemandu pelancong pada ketika itu pula terdiri daripada orang Melayu dari kawasan sekitar dan juga kakitangan Jabatan Perhilitan di Kuala Tahan. Pada tahun 1970an dan 1980an, sudah ada orang Batek yang mula berjinak-jinak untuk menjadi pemandu arah gunung walaupun bilangan mereka amat sedikit sekali. Mereka

yang menceburkan diri sebagai pemandu arah gunung ini kebanyakannya pernah menjadi *porter* gunung. Sedikit demi sedikit, mereka telah mempelajari cara berkomunikasi dengan pelancong asing melalui bantuan sebilangan pemandu pelancong Melayu. Namun begitu, kebanyakannya akan berganding bersama dengan pemandu arah gunung Melayu semasa membawa pelancong. Mereka jarang sekali membawa pelancong bersendirian, kecuali jika kumpulan pelancong itu adalah terlalu kecil, yakni kurang daripada 5 orang.

Pada pertengahan tahun 1980an, satu inisiatif pakej pelancongan baru telah diperkenalkan di Taman Negara. Pakej baru ini menawarkan aktiviti membawa pelancong melawat ke perkampungan tradisi masyarakat Batek di sekitar Kuala Tahan. Kampung yang terlibat pada ketika itu ialah Kg Dedari. Di awal pelaksanaannya, terdapat ramai pelancong warga Eropah telah membantah keras aktiviti ini. Pada tanggapan mereka, pakej baru ini dilihat seperti membenarkan amalan eksploitasi dilakukan ke atas komuniti Batek demi mendapatkan keuntungan peribadi. Namun, pada hakikatnya aktiviti lawatan ini hanya tertumpu kepada melihat dan bergaul dengan komuniti Batek, sambil menonton beberapa pertunjukan demonstrasi seperti membuat api dan menyumpit. Pendapatan daripada hasil lawatan pelancong ini pula disalurkan kepada komuniti Batek tetapi kadarnya tidak ditetapkan kerana ia bergantung kepada budi bicara pemandu pelancong dan juga sumbangan pelancong.

Pada lewat tahun 1980an, beberapa individu daripada kalangan komuniti Batek sendiri sudah mula menjinakkan diri dengan aktiviti pelancongan secara langsung apabila dua daripada mereka bekerja sebagai pemandu pelancong. Walaupun kurang mahir berbahasa Inggeris, tetapi kedua-dua individu Batek ini mempunyai tahap keyakinan yang tinggi hasil daripada pergaulan mereka dengan masyarakat luar. Mereka bertugas sebagai pemandu pelancong secara *on-call basis* iaitu hanya bekerja dengan menawarkan khidmat jika mendapat tugas daripada pemandu pelancong Melayu atau agensi pelancongan yang kekurangan pemandu pelancong. Pada ketika itu, pendapatan sebagai pemandu pelancong Batek adalah sekitar RM150 untuk pakej 3 hari 2 malam. Ini merupakan suatu nilai yang tinggi untuk orang Batek ketika itu berbanding pendapatan yang diperolehi daripada bergantung hampir sepenuhnya kepada mencari hasil hutan di Taman Negara. Purata panggilan kerja (*assignment*) untuk pemandu pelancong Batek dalam sebulan adalah 3 ke 4 kali. Angka panggilan kerja ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan panggilan kerja untuk pemandu pelancong Melayu pada kadar purata 6 ke 8 kali sebulan.

Pada tahun 1990an, semakin banyak perkampungan komuniti Batek dibuka kepada pelancong. Antara kampung yang terlibat adalah Kg. Gua Telinga (dibuka pada tahun 1995) dan Kg. Kuala Trenggan. Selain aktiviti melawat kampung, para pelancong telah diberi peluang untuk melihat demonstrasi membuat api dan menyumpit secara tradisi, di samping mencuba sendiri aktiviti tersebut. Kraftangan berupa miniatur sumpit buatan orang Batek juga dipamerkan, selain dijual kepada pelancong yang berminat. Bayaran tetap juga telah mula dikenakan oleh pemandu pelancong kepada setiap pelancong yang datang melawat ke kampung Batek iaitu sebanyak RM5 per kepala. Perkembangan pada tahun 1990an ini juga mendapati semakin ramai orang Batek yang menceburkan diri dalam bidang pelancongan sama ada sebagai pemandu arah gunung, pengangkut barang (*porter*), pemandu bot dan pemandu pelancong. Namun begitu, jumlah penglibatan komuniti ini jika dibandingkan dengan jiran Melayu di Kuala Tahan masih kecil. Mereka yang terlibat kebanyakannya terdiri daripada anak-anak muda Batek yang semakin berani ke hadapan untuk bergaul dengan masyarakat luar. Sebilangan kecil dilaporkan berjaya mengumpul modal hasil daripada pelancongan dengan membeli bot dan enjin bagi kegunaan peribadi dan pelancongan. Namun begitu, suatu halangan besar kepada mereka ini untuk terlibat dalam sektor pelancongan ialah

kurangnya kebolehan atau kemahiran untuk berbahasa Inggeris atau bahasa asing bagi memungkinkan penglibatan mereka secara lebih meluas dalam sektor ini.

Pada awal tahun 2001, sebuah pusat konservasi dan pengurusan ikan kelah di Sungai Tahan di bawah pengurusan USAINS (Agensi di bawah Universiti Sains Malaysia) dengan kerjasama Jabatan Perhilitan telah dibuka di Taman Negara. Pada tahun 2007, pengurusan santuari ikan kelah ini telah diserahkan sepenuhnya kepada komuniti setempat. Syarikat ini dimiliki secara bersama oleh kakitangan yang pernah bekerja di bawah USAINS dahulu. Sehingga kini, jumlah pekerja Batek di dalam syarikat ini adalah seramai tiga orang dengan dibayar gaji yang sama seperti mana pekerja Melayu yang lain.

Kajian ini mendapati terdapat beberapa implikasi aktiviti pelancongan ke atas komuniti Batek di Kuala Tahan. Implikasi ini dibincangkan di bawah.

#### **(a) Hak *Privacy* Individu dan Komuniti Batek**

Dari hasil pemerhatian penyelidik dalam empat siri lawatan ke lapangan dari Jun – September 2008, lebih kurang 50 pelancong telah datang melawat ke Kg. Gua Telinga setiap hari. Kebanyakan pelancong ini berasal dari Eropah, Amerika Syarikat dan Singapura. Mereka sangat tertarik dengan budaya komuniti yang dipertontonkan seperti demonstrasi sumpitan dan menyalakan api secara tradisional sambil merakamkan gambar dan bertanya lebih lanjut mengenai budaya dan kehidupan komuniti Batek di situ.

Kedatangan pelancong secara berterusan ini sedikit sebanyak telah mendatangkan gangguan kepada aktiviti harian komuniti Batek. Antara gangguan tersebut adalah terhadap aktiviti membuat alatan memburu seperti damak/buluh sumpitan. Komuniti ini terpaksa membuat damak di dalam semak di belakang kawasan petempatan mereka atau pun suatu kawasan lain yang bukan merupakan laluan utama para pelancong. Menurut aturan pantang larang dalam komuniti ini, seseorang tidak dibenarkan memakai wangi-wangian semasa membuat damak. Ia dipercayai boleh mendatangkan *sial* terhadap alatan memburu tersebut kerana bau wangi-wangian yang melekat pada alatan tersebut boleh menyukarkan mereka menangkap binatang liar atau burung dengan menggunakan alatan memburu tersebut. Sebagai langkah terbaik, mereka akan menyembunyikan diri daripada pelancong semasa membuat alatan tersebut demi mengelakkan alatan berburu mereka tercemar dengan bau wangi-wangian dan menjadi *sial*.

Selain alatan berburu, struktur binaan pondok kediaman atau *haya'* Batek juga diperhatikan berbeza untuk kawasan kampung yang sering dikunjungi pelancong dengan kampung yang kurang tidak dikunjungi pelancong. *Haya'* di Kg. Trenggan lebih bersifat tertutup, berlantai tinggi daripada aras tanah dan berstruktur kukuh berbanding *haya'* yang dibina di Kg. Gua Telinga (lihat Rajah 1). Manakala di Kg. Dedari, kebanyakan *haya'* dibina berpintu kecil dan lebih tertutup berbanding *haya'* di petempatan Kg. Gua Telinga. Menurut seorang penduduk di Kg. Dedari, beberapa *haya'* secara sengaja dibina secara terbuka dan tanpa dinding di Kg. Gua Telinga kerana ia dikhususkan sebagai tempat berehat pelancong yang datang berkunjung. Sebaliknya, *haya'* yang dibina dengan berpintu kecil dan lebih tertutup adalah untuk kegunaan sendiri dan seisi keluarga. Mereka juga membina dinding pada *haya'* tersebut sebagai perlindungan kepada panas terik matahari, tiupan angin berpasir, mengurangkan hembusan angin sejuk masuk ke rumah pada waktu malam dan hujan, selain mengurangkan pendedahan aktiviti peribadi isi rumah seperti memasak, menukar pakaian, tidur/beristirehat daripada menjadi tontonan para pelancong. Perbezaan struktur binaan *haya'* antara beberapa kampung kajian juga dilaporkan ada kaitan dengan kedudukan sesuatu kawasan perkampungan ini dengan aktiviti pelancongan. Menurut beberapa individu dari Kg. Trenggan, kebanyakan *haya'* yang terdapat di Kg. Gua Telinga dan Kg. Dedari dibina secara

terbuka tanpa dinding khas untuk tarikan pelancong. Manakala, struktur binaan *haya'* di Kg. Trenggan lebih merupakan tempat tinggal atau kampung sebenar komuniti ini, bukan dibina sebagai tempat tarikan pelancong. Lantas, struktur binaannya lebih kukuh, tertutup dan menjamin *privacy* penghuninya.



*Haya'* di Kg. Dedari



*Haya'* di Kg. Gua Telinga



*Haya'* di Kg. Trenggan

(Lebih terbuka, berlantai tinggi dari tanah dan berstruktur lebih kukuh)



Rajah 1: Beberapa Struktur Binaan *Haya'* di Kg. Trenggan, Kg. Gua Telinga dan Kg. Dedari

### (b) Hak Komuniti Batek dalam Mempertahankan Kesucian Budaya

Penglibatan komuniti Batek dalam sektor pelancongan dengan mempamerkan budaya mereka kepada masyarakat luar sebagai komoditi pelancongan boleh mengundang pelbagai kesan positif dan negatif kepada komuniti tersebut. Salah satu cabaran utama sewaktu mempromosikan warisan budaya Batek sebagai komoditi pelancongan ialah dilemma mempertahankan kesucian dan hak budaya komuniti daripada dicemari dan dicerobohi masyarakat luar. Dalam kerakusan ekonomi pasaran yang diterjemahkan melalui aktiviti ekopelancongan, hak komuniti Batek untuk melindungi adat resam dan amalan budaya mereka daripada tontonan umum semakin tercabar kerana apa yang lebih dipentingkan bagi sesetengah pemandu pelancong luar ialah nilai daya tarikan utama pelancong bagi menjana keuntungan. Malah disebabkan kurangnya kefahaman para pemandu pelancong dari luar komuniti terhadap budaya dan cara hidup Batek, ditambah pula dengan tendensi untuk berusaha memuaskan hati pelancong, maka pelbagai tafsiran terhadap budaya Batek telah digembar-gemburkan sehingga kadangkala meninggalkan kesan yang besar kepada keseluruhan imej komuniti ini.

Menurut Siti Masturah Ismail (2001), isu etnosentrik atau persepsi budaya yang salah terhadap sesuatu budaya ini boleh berlaku disebabkan pemahaman dan penelitian mereka yang terlibat dalam mempromosinya kurang atau tidak jelas. Malah, dalam beberapa situasi

promosi yang dilakukan oleh pihak luar, ada di antaranya telah dijalankan dengan tanpa rasa tanggungjawab sehingga membawa kepada pelanggaran ke atas hak *privacy* dan hak cipta komuniti tersebut. Contoh pertama, pada tahun 1995 berlaku suatu insiden yang mendapat liputan meluas di mana seorang kanak-kanak Batek telah dirakam gambarfotonya sewaktu beliau sedang berakit menggunakan rakit buluh. Gambarfoto ini telah dicetak di dalam brosur sebuah resort swasta di Taman Negara dan diedarkan secara meluas bagi tujuan mempromosikan produk syarikat-syarikat tertentu. Seorang penyelidik dari Jerman yang sedang membuat penyelidikan mengenai komuniti Batek ketika itu menyedari akan eksploitasi yang berlaku. Beliau telah menyuarakan bantahan berkaitan isu ini tetapi hasil tindakan beliau telah menimbulkan rasa kurang senang pihak tertentu. Akibatnya, kebenaran untuk beliau menjalankan penyelidikan di Taman Negara telah ditarik balik. Bagaimanapun, hasil bantahan daripada penyelidik ini akhirnya telah membuahkan hasil apabila kanak-kanak berkenaan telah menerima bayaran royalti sebanyak RM1000 setahun. Contoh kedua merujuk kepada isu salah tafsir masyarakat luar berkait dengan ritual kematian komuniti Batek. Keghairahan beberapa pemandu pelancong untuk mengetahui mengenai upacara ritual berkaitan kematian komuniti Batek untuk dinyatakan kepada pelancong luar telah menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan komuniti Batek sendiri. Pada hakikatnya, suku Batek enggan untuk memberitahu perkara yang sebenar dalam hal ini kerana tidak mahu pelancong mengganggu kesucian tanah perkuburan mereka, selain tindakan sedemikian boleh menimbulkan kesedihan ahli keluarga serta mengganggu ketenteraman roh si mati. Keengganan suku Batek memberi kerjasama dalam perkara ini telah menyebabkan mereka sering disalahtafsirkan sebagai komuniti yang suka mengasingkan diri dan enggan bercampur gaul dengan orang luar.

### **(c) Keterikatan daripada Kebebasan Bergerak Mencari Sumber Keperluan**

Menurut Endicott (2006), komuniti Batek biasanya menetap di sesuatu kawasan tidak melebihi seminggu dan membina *haya'* rapat di antara satu sama lain dalam satu kumpulan kecil. Mereka juga dilaporkan pada masa dahulu boleh menetap di mana-mana kawasan yang dianggap sesuai sebagai petempatan mereka. Namun begitu, perkembangan terkini akibat pelancongan telah menghadkan mobiliti ruang komuniti Batek seperti mana tercatat dalam tulisan Siti Masturah Ismail (2001) seperti berikut:

*DWNP (Department of Wildlife and National Parks) officially strongly discouraged the Batek from living close to its vicinity and successfully got the latter to move away. Lubok Simpon, the first camp I visited, is one traditional camp ground the Batek had to abandon. They moved to the other side of the Tahan river, where the Malay Kampung village soon established to house park staff, so they were again told to move on. Finally they decided to move to Kuala Yong further down the Tembeling River about 15 minutes away by boat and the second most accessible Batek settlement at the time of my visit.*

Catatan hasil penelitian Siti Masturah Ismail (2001) di atas jelas menunjukkan bahawa pembukaan petempatan baru komuniti Batek di Jeti Gua Telinga ada kaitan rapatnya dengan perkembangan sektor pelancongan di Kuala Tahan. Malahan, menurut beberapa informan yang ditemui sewaktu di lapangan, pemilihan petempatan baru ini dilakukan atas cadangan pihak berkuasa tempatan dan bukan di atas pilihan mereka sendiri. Petempatan di Gua Telinga ini dibekalkan dengan air paip dan dijadikan sebagai kampung pelancongan berikutan jaraknya paling dekat dengan Kuala Tahan dan kedudukannya yang strategik di laluan utama pelancong untuk ke Gua Telinga. Manakala Lubok Simpon yang merupakan

bekas petempatan asal komuniti Batek kini dijadikan sebagai kawasan riadah (berkelah dan mandi manda) para pelancong yang berkunjung ke Taman Negara.

Melalui pendedahan Siti Masturah Ismail (2001) dan pemerhatian pengkaji sewaktu di lapangan, jelas menunjukkan wujudnya persaingan ruang di antara pengusaha industri pelancongan, agensi pelindung hutan simpan dan komuniti Batek di Taman Negara. Jika dahulu perpindahan komuniti Batek kebanyakannya didorong oleh keperluan mendapatkan sumber makanan, tetapi kini segala tindak-tanduk mereka berkaitan pemilihan kawasan petempatan adalah tertakluk kepada ketentuan dan keperluan masyarakat luar dan pelancongan, justeru mengubah pola pergerakan komuniti ini. Isu pengurusan dan perkongsian sumber dengan pihak pengurusan taman juga dihadapi oleh komuniti *Aborigines* di Kakadu National Park, Australia (Wellings 2007). Nicholas (2000) juga menekankan bahawa isu pengurusan dan persaingan sumber dalam kalangan Orang Asli di Malaysia telah menyebabkan mereka semakin terpinggir dan hidup di dalam kemiskinan.

Selain kehilangan kebebasan dalam memilih lokasi kediaman, komuniti Batek juga dilihat semakin terhakis hak menentukan 'tempoh lama menetap' di sesuatu kawasan. Jika dahulu masa menetap di sesuatu kawasan adalah sangat singkat, namun di petempatan sekitar Gua Telinga, kebanyakan penduduk telah menetap lebih lama, di antara 2-3 bulan sehingga 1-2 tahun. Keadaan ini banyak dipengaruhi oleh kehadiran pelancong dan juga kemudahan sumber makanan di kawasan tersebut. Menurut beberapa individu Batek yang ditemubual, agak mudah dan lebih senang untuk mereka mendapatkan makanan pada masa kini berbanding dahulu. Namun, cabarannya ialah mendapatkan wang untuk membeli makanan dan keperluan harian lain. Jika dahulu, mereka hanya berada di sesuatu lokasi apabila terdapat lambakan sumber makanan di situ dan kemudian akan bergerak sesuatu tempat lain apabila sumber makanan dan keperluan dari hutan semakin berkurangan. Kini, peningkatan pergantungan mereka kepada sektor pelancongan menyebabkan ketergantungan mereka kepada sumber hutan telah berkurangan. Ini bermakna selagi pelancong terus mengunjungi kawasan kampung mereka dan menjalankan urusan jualbeli ke atas hasil keluaran kraftangan yang dihasilkan, maka tiada keperluan untuk mereka berpindah ke tempat lain untuk tempoh waktu tersebut.

Pergerakan keluar komuniti Batek dari kawasan Gua Telinga hanya berlaku pada musim tengkujuh. Pada musim hujan ini, arus sungai yang deras amat merbahaya bagi sebarang aktiviti pemanduan bot pelancong. Justeru, aktiviti pelancongan terpaksa dihentikan buat seketika. Selain kekurangan pelancong pada musim tengkujuh, peniaga makanan yang biasanya menjual nasi, sayur dan lauk-pauk untuk komuniti ini setiap hari juga terpaksa dihentikan kegiatan mereka di atas sebab keselamatan. Ini menyebabkan kehidupan di Kg. Gua Telinga tidak lagi menarik berikutan ketiadaan sumber makanan dan kewangan daripada aktiviti pelancongan. Keadaan ini telah memaksa penduduk di kawasan Gua Telinga untuk berpindah ke petempatan lain seperti Kuala Keniam, Kuala Yong dan Kuala Atok untuk beberapa ketika sehingga musim tengkujuh berakhir. Di kawasan ini, mereka akan tinggal bersama keluarga mereka yang lain, membina *haya'* yang baru atau mendiami *haya'* yang sedia kosong dan tiada berpenghuni.

Pergantungan komuniti Batek kebelakangan ini secara keterlaluan kepada aktiviti pelancongan menyebabkan pada musim tertentu terutama tengkujuh, mereka menghadapi kesempitan hidup berikutan kekurangan pelancong. Menurut beberapa informan yang ditemui, terdapat beberapa individu Batek pada musim ramai pelancong menghadapi kesukaran mendapatkan tawaran kerja sebagai pemandu pelancong di Kuala Tahan sehingga terpaksa menunggu selama beberapa hari. Dalam keadaan sedemikian, mereka terpaksa meminjam wang perbelanjaan daripada isteri di rumah bagi menampung keperluan harian.



Dalam beberapa keadaan, situasi ini telah menimbulkan beberapa insiden pergaduhan di antara suami dan isteri. Pergantungan kepada pelancong dan masyarakat luar di dalam menentukan aktiviti ekonomi harian ini telah mewujudkan suasana ketidakpastian dan ketidaktentuan dalam kehidupan sosial komuniti Batek kebelakangan ini. Pengalaman seumpama ini turut diperhatikan oleh Dentan et al. (2008) dalam kajiannya ke atas beberapa komuniti Orang Asli yang tinggal di kawasan penempatan semula.

#### **(d) Ancaman Kesihatan dan Jangkitan Penyakit**

Sebarang jangkitan penyakit melalui udara seperti selesema mudah merebak apabila berlakunya pertemuan antara pelancong dan komuniti yang dilawati. Menurut Bauer (2008), penyakit seperti ini mudah merebak dan menjangkiti komuniti setempat apabila ia dibawa secara terus daripada negara asal pelancong atau pun diperolehi semasa lawatan mereka di kawasan lain. Apa yang dikhuatiri ialah jika jangkitan penyakit bawaan pelancong atau masyarakat luar ini berlaku ke atas komuniti setempat, kadang kala ia sukar diubati dengan menggunakan teknik perubatan tradisional. Selain diancam penularan wabak penyakit dari luar, kesan tidak langsung dari kehadiran pelancong juga boleh diperhatikan dari segi perubahan pada bahan dan punca makanan. Pemerhatian pengkaji sewaktu di lapangan mendapati pengambilan makanan dan minuman ringan berkarbonat dan mengandungi bahan pewarna serta pengawet yang tinggi dalam kalangan kanak-kanak Batek boleh memberi kesan tidak baik terhadap kesihatan kanak-kanak tersebut.

#### **(e) Keperluan kepada Penghasilan Produk Berkualiti untuk Pemasaran**

Golongan wanita Batek kebanyakannya terlibat secara langsung di dalam menghasilkan miniatur buluh sumpit atau sikat rambut yang diperbuat daripada buluh untuk dijual kepada pelancong. Pembuatan buluh sumpit atau sikat ini biasanya dilakukan secara individu atau berpasangan dengan suami atau ahli keluarga yang lain. Golongan lelaki biasanya bertanggungjawab mengambil buluh daripada kawasan sekitar Taman Negara manakala kaum wanitanya pula berperanan menghasilkan produk kraftangan daripada bahan tersebut. Dalam proses menghasilkan produk kraftangan seperti sumpit, wujud keperluan kepada alat-alatan tertentu untuk menghasilkannya. Antaranya termasuklah pisau lipat, buluh, kayu api, getah kayu dan rotan sebagai alatan penting dalam proses pembuatan buluh sumpit ini. Sebanyak 2-3 buluh sumpit boleh disiapkan dalam jangka masa satu hari. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada keadaan cuaca ketika itu. Pada musim hujan, pemprosesan buluh hanya dapat dilakukan di dalam *haya'* dan kesukaran mendapat kayu api pada musim hujan akan memberi kesan kepada penghasilan produk tersebut. Perlu disedari bahawa dalam komuniti Batek, urusan mengumpul kayu api juga tertakluk kepada beberapa pantang larang tertentu iaitu tidak boleh diambil kayu api yang duduk melintang/bersilang dengan kayu yang hidup. Selain itu, proses membuat buluh sumpit ini juga memerlukan kreativiti yang tinggi. Penentuan harganya tidak dilihat semata-mata daripada segi kreativiti (kekemasan/kesukaran mengukir corak) tetapi juga saiz dan jangkamasa membuat kraftangan tersebut. Urusan menjual hasil kraftangan ini terletak kepada kaum lelaki Batek, tetapi tidak kurang juga ada dalam kalangan pemandu pelancong Melayu turut terlibat dalam urusan jual beli hasil kraftangan ini dengan para pelancong. Persoalannya, kebijaksanaan pemandu pelancong dalam urusan jualbeli tersebut telah membolehkan mereka meraih keuntungan yang lebih besar berbanding komuniti Batek sendiri apabila mereka menjualnya kepada pelancong.

## **(f) Persaingan dan Eksploitasi Pekerjaan**

Kebanyakan pemandu pelancong Batek di Taman Negara tidak mempunyai lesen sebagai pemandu pelancong yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Untuk mendapatkan lesen sebagai pemandu pelancong, seseorang diperlukan mengikuti kursus anjuran Kementerian Pelancongan dan Jabatan Perhilitan. Di akhir kursus tersebut, mereka diwajibkan lulus di dalam peperiksaan yang dijalankan. Kursus ini mengambil masa selama 2 minggu. Is kandungan kursus ini merangkumi pengetahuan dan latihan unuk menjadi seorang pemandu pelancong alam semulajadi yang berkesan dan berjaya. Setelah tamat kursus dan jika lulus, peserta boleh memohon kepada Kementerian Pelancongan Malaysia untuk mendapatkan lesen sebagai pemandu pelancong alam semulajadi dan berdaftar dengan mana-mana persatuan pemandu pelancong di kawasan masing-masing. Malangnya, tidak ramai pemandu pelancong Batek mempunyai lesen sebagai pemandu pelancong. Faktor kurang kesedaran terhadap kepentingan mempunyai lesen pemandu pelancong, ditambah pula dengan ketidakmampuan diri mengikuti kursus dan memnduduki peperiksaan menyebabkan pergerakan mereka selama ini sebagai pemandu pelancong adalah tidak sah menurut lunas perundangan. Akibatnya, mereka tidak dapat mengembangkan kerjaya dalam sektor pelancongan secara berkesan. Ketiadaan lesen sebagai pemandu pelancong juga secara otomatis bermaksud mereka tidak boleh diterima menjadi ahli kepada mana-mana persatuan pemandu pelancong. Justeru, tanpa berpersatuan, nasib mereka sebagai pemandu pelancong sukar dibela dan kurang mendapat perhatian. Apa yang berlaku setakat ini ialah mereka hanya akan ditawarkan peluang sebagai pemandu pelancong secara *ad-hoc* sahaja jika berlaku kekurangan pemandu pelancong dalam kalangan penduduk Melayu.

Kedaifan komuniti Batek dalam sektor pelancongan juga telah mengakibatkan beberapa pihak tertentu mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan peribadi dengan mempergunakan mereka. Bayaran RM5 sekepala kepada komuniti Batek oleh pelancong juga dilihat sebagai tidak setimpal untuk dibahagi sesama warga kampung yang semakin membesar. Pemandu pelancong yang membawa pelancong ke perkampungan Batek juga sering dilaporkan tidak membayar jumlah yang sebenar kepada orang Batek. Malah, ada di antara mereka yang langsung tidak membayar perkhidmatan tersebut. Memandangkan tiada aduan dibuat komuniti Batek terhadap pihak berkenaan, maka tiada tindakan yang boleh diambil ke atas pemandu pelancong berkenaan. Apa lagi bagi komuniti Batek, perkara-perkara yang boleh menjurus kepada pergaduhan dengan masyarakat luar cuba dielakkan dan tindakan mendiamkan diri sedemikian telah banyak merugikan mereka.

Selain itu, akibat tiada kelayakan dan lesen sebagai pemandu pelancong, individu Batek yang bekerja di dalam sektor pelancongan juga sering didiskriminasi daripada segi bayaran. Upah yang dibayar adalah di bawah piawai umum (*standard*) dan kadangkala sangat rendah jika dibandingkan dengan kerja yang dilakukan. Misalnya, upah pemandu bot secara purata ditetapkan sekitar RM40 bagi satu perjalanan, tetapi kebiasaannya pemandu bot Batek hanya dibayar di antara RM10-20 sahaja. Hal yang sama juga berlaku dalam kalangan pemandu pelancong komuniti Batek. Isu pemandu pelancong dan pemandu bot Batek menerima bayaran lewat juga sering ditimbulkan oleh beberapa pihak berbanding pekerja sektor pelancongan dalam kalangan orang Melayu.

## **HALATUJU DAN MASA DEPAN KOMUNITI BATEK TAMAN NEGARA**

Komuniti Batek di Taman Negara pada hakikatnya merupakan komuniti yang mampu mengadaptasi diri dengan perubahan yang berlaku di persekitaran mereka. Ini dapat diperhatikan melalui penglibatan dan pergaulan mereka dengan masyarakat luar dan sebagai

komuniti yang terlibat aktif di dalam aktiviti pelancongan. Isu yang kritikal di sini adalah kelestarian pembangunan pelancongan di Taman Negara terhadap komuniti Batek dan keupayaan komuniti Batek ini untuk melindungi budaya, adat resam serta hak mereka sebagai komuniti yang menjadi komoditi pelancongan.

Bagi memastikan komuniti Batek terus terlibat dalam industri pelancongan dan meraih manfaat daripadanya, maka beberapa penyelesaian kepada isu yang dibangkitkan perlu diberi perhatian oleh pihak berkenaan. Antaranya, berkaitan dengan keperluan mendapatkan lesen sebagai pemandu pelancong bertauliah. Dalam konteks ini, pihak berkenaan perlu merangka suatu program latihan yang memungkinkan individu Batek yang berminat dan berkebolehan mengikutinya dan pada akhir program tersebut melayakkan mereka diberi pengiktirafan melalui pemberian lesen sebagai pemandu pelancong. Pihak Jabatan Perhilitan dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli boleh mengambil inisiatif lebih efektif dengan menggalakkan lebih ramai penyertaan komuniti Batek di dalam kursus pemandu pelancong yang dianjurkan. Suatu pendekatan khusus seperti modul pembelajaran khas patut difikirkan. Contohnya, menambah pembelajaran komunikasi, motivasi diri dan asas bahasa Inggeris ke dalam modul khas tersebut. Modul tersebut juga perlu lebih menepati kehendak untuk memajukan komuniti Batek di kawasan Taman Negara ini dalam industri ekopelancongan. Contoh model yang boleh dijadikan rujukan adalah seperti yang pernah dilaksanakan ke atas masyarakat Bali di Indonesia, Rungus di Sabah (Ong 2008) dan Iban di Sarawak (Zeppel 2006) yang berjaya menggandingkan kelestarian budaya dalam industri pelancongan.

Penyertaan komuniti Batek dalam industri pelancongan juga boleh ditingkatkan setelah usaha mengenal pasti golongan sasaran dijalankan. Terdapat beberapa kelompok sasaran daripada kalangan Batek yang telah dikenal pasti dan boleh dibantu supaya lebih bergiat aktif dalam aktiviti pelancongan. Antaranya, merujuk kepada golongan wanita yang giat bekerja membuat kraftangan bagi menghasilkan buluh sumpit dan sikat buluh yang mendapat pasaran baik dari kalangan pelancong. Kemahiran menghasilkan kraftangan sedemikian boleh dipertingkatkan dan diperluaskan jika mereka dapat dilengkapi dengan alatan pengeluaran yang lebih baik supaya produk yang terhasil dapat ditingkatkan dan begitu juga dengan kualitinya. Golongan kanak-kanak Batek juga perlu diberi sentuhan baru dalam bidang pendidikan dan latihan kemahiran. Setakat ini, hampir keseluruhan daripada kanak-kanak Batek dilaporkan tidak bersekolah. Sebagai langkah penyelesaian masalah jangka panjang dan bagi memperbaiki kualiti hidup generasi akan datang, usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran dan menarik perhatian di pihak ibubapa supaya kanak-kanak ini dapat diberi peluang bersekolah.

## **KESIMPULAN**

Setiap individu mempunyai pendekatan tersendiri di dalam menangani perubahan persekitaran mereka. Menjadi suatu kesilapan jika kita beranggapan bahawa komuniti Batek di Taman Negara enggan terlibat ataupun bersikap anti-pembangunan. Ini kerana penglibatan mereka dalam sektor pelancongan telah berlangsung sejak lama dahulu. Namun, berikutan kekangan administratif dan diri menyebabkan mereka masih jauh terbelakang berbanding jiran Melayu mereka di sekitar Kuala Tahan yang bergerak aktif dalam sektor pelancongan ini. Bagi memastikan komuniti ini dapat bergerak setanding dengan jiran Melayu mereka dalam sektor ini, mereka perlu diberikan peluang dengan mengadakan pendekatan yang bersesuaian dengan adat dan budaya mereka untuk mencorakkan halatuju dan masa depan mereka dalam sektor tersebut.

## RUJUKAN

- Baer, A., Gianno, R., Howell, S, Nowak, B.S. & van der Sluys, C. 2006. *Orang Asli women of Malaysia: perceptions, Situations and Aspirations*. Subang Jaya: Center for Orang Asli Concerns.
- Bauer, I. 2008. The health impact of tourism on local and indigenous populations in resource-poor countries, *Travel Medicine and Infectious Disease* 6:276-291.
- Carey, Iskandar. 1976. *Orang Asli: the Aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Dentan, R. K, Endicott, K., Gomes, A. A. & Hooker, M. B. 2008. *Malaysian and the Aboriginal People: a case study of the impact of development on Indigenous Peoples*. Allyn and Bacon
- Endicott, K. 2006. Under her wing: portrait of a Batek leader. Dlm. Baer, A., Gianno, R., Howell, S, Nowak, B.S. & van der Sluys, C. *Orang Asli women of Malaysia: perceptions, Situations and Aspirations*. Subang Jaya: Center for Orang Asli Concerns.
- JHEOA. 2003. *Data maklumat asas Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia
- Lye, T. P. 2005. *Changing Pathways: forest degradation and the Batek of Pahang, Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information Research Development.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Putrajaya: Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- Nicholas, C. 2000. *The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous Politics, development and Identity in Peninsular Malaysia*. Subang Jaya: Center for Orang Asli Concern.
- Ong, P. L. 2008. *Packaging myths for tourism: the Rungus of Kudat*. Bangi: Penerbit UKM
- Siti Masturah Ismail. 2001. *The politics of Indigenous knowledge and intellectual property rights: Batek Challenges to Western epistemologies*. Tesis Sarjana Middlebury College, Vermont, United States.
- Wellings, P. 2007. Joint management: Aboriginal involvement in tourism in the kakadu World Heritage Area. Dlm. Bushell, R & Eagles, P. F. J. *Tourism and protected areas: benefits beyond boundaries*. CAB International
- Zeppel, H. D. 2006. *Indigenous ecotourism: Sustainable development and management*. CAB International.

Zanisah Man, Nurul Fatanah Zahari & Mustaffa Omar  
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: [zanisahman@yahoo.com](mailto:zanisahman@yahoo.com)